

Catuan air dihenti jika bacaan 23.5 meter

» *Empangan Layang Atas catat 19.11 meter di bawah paras kritikal*

Oleh Mohd Fahmi Mohd Yusof
mohdfahmi@bh.com.my

► Johor Bahru

Catuan bekalan air bagi penduduk di Pasir Gudang dan sebahagian bandar raya ini hanya akan dihentikan sekiranya paras air di Empangan Layang Atas di Pasir Gudang di sini, menecah bacaan 23.5 meter.

Menteri Besar Johor, Datuk Seri Mohamed Khaled Nordin, berkata bacaan paras air terkini empangan berkenaan adalah 19.11 meter, di bawah paras kritikal 23.5 meter berbanding paras normal



Mohamed Khaled (dua dari kanan) bersama Hasni (kanan) mendengar taklimat mengenai paras air ketika melawat Empangan Layang, Kong Kong, Masai.

[FOTO HAIRUL ANUAR ABD RAHIM/BH]

26.6 meter.

Katanya, perkara itu berlaku berikutan keadaan cuaca kering disebabkan oleh kadar hujan rendah dan kadar sejatan yang tinggi.

“Keadaan cuaca kering ini juga dilihat berlaku sejak dua tahun yang lalu dan bagi memastikan paras air di Empangan Layang Atas dapat dikekalkan pada satu

tahap, beberapa langkah sedang diambil oleh pihak berkenaan.

“Antaranya ialah dengan mengepam masuk bekalan air mentah dari Sungai Johor setiap hari.

Di samping itu, jika keadaan ini terus berlarutan, langkah pembenihan awam akan dilaksanakan,” katanya.

Pembenihan awan

Beliau berkata demikian kepada media selepas meninjau keadaan paras air di empangan itu, di sini semalam.

Yang turut hadir, Pengerusi Jawatankuasa Kerja Raya, Kemajuan Luar Bandar dan Wilayah negeri, Datuk Hasni Mohamad.

Mohamed Khaled berkata, kerajaan Johor kini sudah memaklumkan kepada Kerajaan Singapura bagi melakukan proses pembenihan awan berikutan ia membabitkan penggunaan ruang udara Lapangan Terbang Changi di republik berkenaan.

“Kerajaan negeri sedang menunggu persetujuan daripada Singapura dan saya harap ia (proses pembenihan awan) mendapat kerjasama daripada kerajaan republik itu,” katanya.